

10/03/2002

Hukuman sepuluh pemimpin Umno kekal

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bermesyuarat semalam memutuskan, hukuman ke atas 10 pemimpin dan ahli parti yang dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin tahun lalu dikekalkan, 10 lagi diringankan hukuman dan tujuh dibatalkan selepas didapati tidak bersalah.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata: "Kita telah mendengar beberapa pendapat dan berbincang. Akhirnya secara konsesus sebagai Jawatankuasa Rayuan, kami bersetuju dengan pendekatan yang digunakan dan menerima satu persatu keputusan yang dibuat dan merestuinnya.

"(Bagaimanapun) Saya tidak berhajat untuk memberikan nama orang-orang ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat dua jam di ibu pejabat Umno, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Bagaimanapun, sumber memberitahu antara yang terbabit dengan pengekalan hukuman itu ialah ahli MT yang juga bekas Ketua Bahagian Bukit Bintang, Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi, bekas Exco Kedah, Datuk Zainol Mohd Isa, dan ketua-ketua bahagian - Jelani Hamdan (Bandau), Datuk Yahya Lampong (Tanjung Aru) dan Datuk Yahya Shafie (Ipoh Timur) dan Setiausaha Umno Bahagian Bukit Bintang, Datuk Roslan Omar.

Sementara itu, Datuk Abdullah Omar (Muar), Datuk Kamaruddin Mohd Noor (Pasir Putih) dan Mustapha Kamal Mohd Nawi (Gopeng), dipercayai di antara 10 pemimpin yang diringankan hukuman.

Perdana Menteri berkata, semua yang didapati bersalah akan turut kehilangan semua jawatan lain di dalam parti walaupun tuduhan tidak membabitkan semua jawatan yang dimenangi.

"Mereka yang memegang jawatan lain walaupun mereka dibicara berkaitan sesuatu kes khusus seperti menjadi ketua bahagian dan didapati bersalah, tetapi sebelum itu mereka bertanding sebagai Ketua Pemuda atau (ahli) MT tapi tidak ada tuduhan, maka semua jawatan politik yang dipegang dalam parti tertakluk kepada hukuman yang dijatuhkan... iaitu kalau enam tahun, enam tahunlah, kalau tujuh tahun, tujuh tahunlah," katanya.

Bagaimanapun, keputusan itu tidak membabitkan jawatan dalam dunia korporat atau jawatan lain, kecuali sebagai Ahli Majlis Kerajaan Negeri (Exco) sesebuah kerajaan negeri.

"Jawatan lain, bukan jawatan dalam Umno seperti jawatan dalam kerajaan, bukan jawatan Exco, kalau pengerusi syarikat dan lain-lain tidak tertakluk pada hukuman," katanya.

Dr Mahathir berkata, selepas meneliti laporan Sekretariat Rayuan, MT sebagai Jawatankuasa Rayuan tertinggi mendapati kes yang membabitkan tujuh yang dibebaskan daripada tuduhan itu agak ringan dan mereka sebelum ini sekadar diberi amaran.

"Kita mendapati amaran pun adalah hukuman yang tidak perlu kerana didapati mereka sebenarnya tidak bersalah," katanya.

Mengulas lanjut Dr Mahathir berkata, lebih 500 kes yang pernah dikendalikan oleh Lembaga Disiplin terdahulu jika didapati bersalah, semua jawatan mereka di dalam parti akan turut terbabit.

Sekretariat Rayuan yang dipengerusikan ahli veteran Umno, Datuk Mohd Zuki Kamaluddin, menyelesaikan semua 27 kes rayuan yang diajukan kepada panel itu, akhir Januari lalu.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata MT juga menetapkan ketiga-tiga sayap Umno iaitu Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri, adalah tiga entiti berasingan dan setiap anggota mereka tidak boleh menyertai lebih daripada satu sayap berkenaan.

Serentak dengan itu katanya, ahli semua pergerakan terbabit hanya boleh bertanding jawatan bagi sayap masing-masing.

"Bagaimanapun mereka berhak bertanding jawatan dalam Umno seperti ketua bahagian dan jawatan di peringkat cawangan, bahkan di peringkat MT," katanya.

(END)